

06/05/2000

Hisham: Beri tumpuan sepenuhnya

SKUAD Piala Thomas negara dituntut memfokuskan segala tumpuan untuk memburu kejuaraan apabila kejohanan bermula di Stadium Putra, Bukit Jalil, Khamis ini.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata kini terpulang kepada semua pemain untuk membuktikan keupayaan serta memberi aksi terbaik bagi menjulang piala keramat itu.

"Semua pihak, termasuk 22 juta rakyat Malaysia, sudah memberi sokongan padu. Kini, terpulang kepada pemain untuk merampas kembali piala berprestij itu.

"Saya yakin, dengan segala persediaan dan persiapan rapi yang dilakukan, kita mampu memenangi kejuaraan itu. Tetapi dengan syarat pemain harus yakin dan memberi aksi terbaik.

"Soal ganjaran tidak harus timbul, sebaliknya pemain sebenarnya sudah menerima ganjaran terbesar apabila mewakili negara," katanya selepas menyaksikan latihan skuad negara di Stadium Putra, malam tadi.

Terdahulu, dalam majlis pelancaran projek Danga Bay di Johor Bahru, Hishammuddin berkata skuad negara boleh membuat kejutan untuk merampas piala berprestij itu berdasarkan semangat dan sokongan moral rakyat, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kesempatan Dr Mahathir berjumpa dan meraikan skuad berkenaan di kediaman rasminya Rabu lalu mencerminkan perhatian serius Perdana Menteri terhadap kejohanan itu dari 11 hingga 21 Mei ini.

"Setakat ini, kita gembira dengan semangat yang ditunjukkan oleh skuad Piala Thomas dan Uber negara.

"Kesediaan Dr Mahathir meraikan pemain dalam majlis makan malam di kediamannya menunjukkan pemimpin nombor satu negara mahukan setiap pemain memberikan komitmen masing-masing dalam kejohanan itu," katanya.

Projek itu dirasmikan Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman. Sebelum itu, Hishammuddin turut menyempurnakan majlis pecah tanah projek Kompleks Sukan Air Danga Bay yang akan dimajukan oleh Danga Bay Sdn Bhd dan Ekovest Sdn Bhd.

Projek itu meliputi pembinaan kemudahan pusat rekreasi dan sukan air meliputi skuter air, luncur air dan kapal layar.

(END)